

CAKNA Sinar

Berat Sama Dipikul

Usaha capai perpaduan

KAJIAN KITA DAPATI HINGGA KINI HANYA KESEPADUAN MAMPU DIPEROLEH

Bayangkan bila masyarakat berpecah belah, negara jadi kacau-bilau, huru-hara menjadikan keselamatan dan keamanan negara akan terancam.

Kadar jenayah dalam negara meningkat berikutan perbalahan dan pergaduhan antara kaum, saling membenci dan tiada rasa kasih-sayang, tanggungjawab dan kerjasama.

Tunjuk perasaan, perhimpunan dan aktiviti tidak sihat akan berleluasa, nyawa rakyat tidak selamat dan terancam. Masalah sosial meningkat kerana tiada sikap untuk saling bekerjasama.

Rakyat kelompok penting menjamin keselamatan dan keamanan negara, namun jika berpecah belah, contoh di atas tidak mustahil berlaku.

Sifat berbaik sangka pelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya, satu keunikan yang tidak terdapat di mana-mana tempat di dunia ini yang harus kita teruskan sampai bila-bila.

Dalam keadaan negara kita diuji dengan persengketaan, fahaman politik, sebenarnya kita sudah menunjukkan kepada dunia bahawa negara ini model rakyat pelbagai kaum yang hidup dalam keamanan.

Namun hakikatnya, isu-isu berkaitan perpaduan kaum sentiasa jadi topik hangat.

Arah penyepaduan

Hakikatnya, perpaduan kita idamkan di Malaysia, tetapi masih belum tercapai, kata Pengarah Pengasas, Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin.

Menurutnya, apa kita capai dan dakap dengan penuh debaran dan cabaran hingga kini ialah suatu proses berbentuk kesepaduan dan untuk menenangkan debaran itu, kita sentiasa berusaha mencari jalan ke arah penyatupaduan.

"Kesemua ini kita lakukan berdasarkan tiga prinsip utama, iaitu tawar-menawar (bargaining), berunding (negotiation) dan perantaraan (mediation). Apa kita capai selama ini adalah berasaskan platform integrasi telah kita bina.

"Ada berjaya, ada gagal, tetapi kita tidak pernah berhenti mencuba kerana keganasan bukan pilihan kita. Harmoni, kestabilan dan keamanan tetap jadi santapan hidup seharisan kita dalam mengurus perbezaan sesama kita dalam masyarakat berbilang kaum," katanya.



Perpaduan kaum sering jadi wajah idaman rakyat Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Syarahan Kijang Kencana 2018 bertajuk Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Cabaran Membina Platform Integrasi di Malaysia anjuran Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan di Kuala Lumpur dan Selangor (Puspak), berlangsung di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir dalam program, Penasihat 1 PUSPA, Tengku Razaleigh Hamzah dan Presiden PUSPA, Prof Datin Dr Rahimah Ahmad.

Dalam pada itu, Shamsul tidak menafikan masyarakat bercakap mengenai perpaduan umpama mantera terutama semenjak Peristiwa 13 Mei 1969.

"Walaupun 13 Mei kita tengok (tragedinya) kecil jika dibandingkan luar negara, tapi impaknya pada Malaysia menukar gelombang politik dan ekonomi negara. Sangat penting untuk kita ketahui kerana kadangkala ramai ambil mudah, perkara ini penting dan kadangkala perlu dihuraikan.

"Bagaimana Malaysia kekalkan

keamanan, persoalan ini hanya ditanya kepada beberapa negara di dunia, tidak pada semua negara. Kita perlu tahu kita sangat sangat istimewa. Saya rasa ini cabaran utama untuk semua rakyat Malaysia iaitu untuk memahami di keliling kita ada kepelbagaian," katanya.

Negara bekas tanah jajahan seperti Malaysia dan Indonesia sentiasa berdepan cabaran 'unity in diversity' atau perpaduan dalam kepelbagaian. Yang lebih menarik dan jarang diperkatakan kepelbagaian tafsiran dan wajah fenomena kepelbagaian itu sendiri.

Menurutnya, hingga kini kepelbagaian itu pula membawa penjelemaan tiga wajah, iaitu wajah positif, wajah konflik dan satu lagi wajah idaman.

"Saya ambil contoh dari segi bajet, wajah positif banyak usaha untuk 'menjual kepelbagaian' kita seperti 'Tahun Melawat Malaysia'. Kita laburkan beratus juta untuk rai dan jayakan usaha mendukung dan mempromosikan kepelbagaian ini.

"Tapi wajah negatif wujud serentak dengan wajah positif itu kita nak sorokkan, tapi itulah banyak diperkatakan. Tiap ciri perbezaan seperti etnik, agama, bahasa, adat resam berpotensi timbulkan konflik, pertelingkahan, fitnah-memfitnah sering dibakar khabar angin hingga timbul prasangka hingga mengipas emosi dan mencairkan rasionaliti," katanya.

Menurutnya, biarpun begitu keadaannya, cabaran wajah negatif ini tidak menerima perhatian wajar oleh kerajaan, maka tidak mendapat peruntukan bajet seluasnya kempen wajah positif.



SHAMSUL